

Malaysia, Indonesia bincang isu gaji amah minggu depan
The Malaysian Insider
Oct 7, 2015

Kumpulan kerja melibatkan Malaysia dan Indonesia akan mengadakan pertemuan pada 15 dan 16 Oktober ini di Jakarta bagi mencari penyelesaian kepada isu pembantu rumah dari republik itu.

Duta Besar Indonesia di Malaysia, Herman Prayinto berkata antara isu yang bakal dibincangkan adalah permintaan Indonesia terhadap gaji lebih tinggi bagi rakyatnya yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia.

"Ya, kita akan membincangkan tentang isu gaji lebih baik. Mesyuarat kumpulan kerja ini juga akan memfokus kepada mekanisme penghantaran pembantu rumah serta kebajikan mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah di sini," katanya pada sidang akhbar pada Mesyuarat Komuniti Sosio-Budaya Asean ke-14 hari ini.

Pada Mei lepas, Indonesia menghantar memorandum kepada kerajaan Malaysia meminta gaji minimum pembantu rumah Indonesia di Malaysia dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,200 sebulan.

Kerajaan Indonesia berpendapat cadangan itu akan menjadikan perkhidmatan domestik di Malaysia lebih kompetitif dan mampu bersaing dengan gaji yang ditawarkan oleh negara lain.

Mereka juga memberi justifikasi bahawa gaji yang lebih baik dapat membendung masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin.

Bagaimanapun, usul itu dibantah oleh kebanyakan masyarakat di negara ini. – Bernama, 7 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-indonesia-bincang-isu-gaji-amah-minggu-depan>